

23/04/2020 09:11 PM

PUTRAJAYA, 23 April -- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM1 juta serta pelbagai peralatan perlindungan kesihatan daripada 14 syarikat dan organisasi.

Sumbangan sebagai sokongan kepada kerajaan dan barisan hadapan anggota kesihatan dalam memerangi pandemik COVID-19 itu diterima Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba pada satu majlis ringkas di bangunan KKM, di sini hari ini.

Penyumbang wang tunai berjumlah RM1 juta itu terdiri daripada syarikat Sin Hock Min Foundation (RM500,000), McDonald's Malaysia (RM250,000) dan Ranhill Worley Sdn Bhd (RM250,000) serta penutup hidung dan mulut jenis N95 bernilai RM2,500.

Majlis Kanser Nasional (MAKNA) turut menderma set peralatan perlindungan diri (PPE) bernilai RM1.43 juta manakala Persatuan Kebajikan Kasih Sayang (Ai Xin) Malaysia menyumbang PPE bernilai RM1.01 juta.

Malaysia Airport Bhd (MAHB) pula menderma 2,000 unit set PPE bernilai RM300,000 yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif MAHB Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh.

Kedutaan Palestin yang diwakili Duta Besarnya ke Malaysia Walid Abu Ali pula menyumbang 500 kilogram buah kurma kepada petugas barisan hadapan sempena kedatangan bulan Ramadan.

Syarikat Toyota Boshoku UMW Sdn Bhd pula menyumbang 3,000 pasang penutup but dan 7,000 unit penutup kepala serta gaun pengasingan bernilai RM270,000.

Sebanyak 500 pasang kasut didermakan oleh Bata Malaysia, manakala Persekutuan Pengakap Malaysia menyumbang 103,492 keping pelindung muka bernilai RM258,730.

Scientex Bhd bersama Fibertex Personal Care Sdn Bhd dan Hing Yiap Knitting Sdn Bhd menyumbang 100,000 unit pelindung penutup kepala manakala Plastik V Sdn Bhd pula menyumbang 105,000 beg sampah klinikal. Fibertex Personal Care Sdn Bhd dan Lippotex Industries Sdn Bhd turut menyumbang 5,000 unit pakaian perlindungan diri.

Sementara itu, Pengasas dan Presiden Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing, Prof Tan Sri Dr Lim Kok Wing menyumbang penutup hidung dan mulut serta botol pembersih tangan bernilai RM60,000 yang disampaikan oleh Naib Presiden Kanan Pemerkasaan universiti berkenaan Datuk Raja Aznil Raja Hisham.

Lim dalam satu kenyataan berkata beliau menyokong penuh usaha kerajaan memerangi COVID-19 hingga ke akhirnya.

"Kami mahu menyumbang dalam apa cara sekalipun bagi mengurangkan kesan pandemik ini dan juga menunjukkan penghargaan kepada keberanian petugas barisan hadapan kita yang telah berkorban, berdedikasi dan sumbangan mereka ketika Malaysia dalam keadaan memerlukan," katanya. -- BERNAMA